

# Peniaga terjejas hasil tangkapan ikan berkurang

UM 02/06/23 M/S 31

**PORT DICKSON:** Kekurangan hasil tangkapan oleh nelayan turut memberikan kesan kepada jualan peniaga-peniaga ikan di Pasar Besar Port Dickson di sini.

Salah seorang peniaga ikan, Lee Kee Yiak, 60, berkata, dia sememangnya menjual ikan seperti jenis tenggiri, parang dan jenahak yang merupakan hasil tangkapan dari nelayan-nelayan Port Dickson terutamanya dari kawasan Kuala Lukut.

Jelasnya, ketika ini bekalan ikan yang diperolehnya memang berkurangan yang sekali-gus turut menjelaskan pendaftarnya sebagai penjual.

“Saya menjual ikan hasil dari laut Port Dickson seperti tenggiri, jenahak, parang memang kami dapatkan daripada nelayan-nelayan di sini. Apabila ikan kurang, pembeli juga kurang pilihan dan hasil jualan



LEE KEE YIAK

juga berkurangan.

“Nelayan memberitahu, ikan kurang sekarang ini disebabkan keadaan angin yang tidak menentu dan arus air luar juga ketika ini dikatakan agak kuat,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Baru-baru ini, Pengurus Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, Sabah akan

membantu membekalkan ikan di Negeri Sembilan dan Melaka yang sedang mengalami kekurangan sumber protein itu apabila hanya mendaratkan makanan itu kurang daripada 5,000 tan metrik setiap bulan.

Seorang peraih, Azimah Ahmad, 65, pula berkata, kekurangan hasil tangkapan menyebabkan nelayan juga semakin kurang turun ke laut.

“Malam kelmarin ramai nelayan yang turun ke laut namun masing-masing pulang hampa tanpa banyak hasil tangkapan. Malam semalam mereka tidak turun ke laut kerana mungkin tidak mahu terjadi perkara sama.

“Jika turun hasilnya tidak seberapa, bekalan pun kurang jadi memang saya tidak dapat hantar banyak ikan kepada peniaga-peniaga di pasar. Hanya beberapa ekor sahaja, apa boleh buat,” katanya.